

## ORIGINAL ARTICLE

# STANDARD KUALITI SOLAT PEMANGKIN KECEMERLANGAN AKADEMIK: SATU KAJIAN DI KULLIAH AS-SULTAN ABU BAKAR, PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR (The Quality Standard of Prayer Promotes Academic Excellence: A Study at Kulliah As-Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang Darul Makmur)

Ghuzni Binti Hashim <sup>1,\*</sup> and Mohamad Hilmi Bin Mat Said <sup>2</sup>

<sup>1</sup>Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Kebangsaan Sungai Karang, Kuantan Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>Dekan Pusat Bahasa Sains Dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang, Kuala Pahang, Pekan, Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** – Making prayer a catalyst for excellence in the academic field is one of the most important assets in the efforts of Muslim students to drive success. If every prayer that is established according to the specifications of the Prayer Quality Standard is seen to be able to have a positive impact on the students to enjoy excellent success in academics. In order to realize this theory, a study was conducted on excellent academic respondents at Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar Pahang, Pekan Pahang Darul Makmur. The study that was conducted focused more on the quality of the prayers that were established as well as the effect on the respondents' efforts to achieve excellence when the results of the Malaysian Higher Certificate of Religion examination were announced. Appreciation of prayer practices that meet the Prayer Quality Standard as outlined is one of the catalysts in influencing the respondents' learning style. Therefore, the purpose of this study is to uncover the secret of the respondents' success and to what extent the Prayer Quality Standard can influence the success that has been achieved.

**ABSTRAK** – Menjadikan solat sebagai pemangkin kecemerlangan dalam bidang akademik merupakan salah satu aset terpenting dalam usaha pelajar-pelajar muslim memacu kejayaan. Jika setiap solat yang didirikan mengikut spesifikasi Standard Kualiti Solat dilihat mampu memberi impak positif kepada pelajar-pelajar untuk menikmati kejayaan cemerlang dalam akademik. Bagi merealisasikan teori ini, satu kajian telah dijalankan kepada responden cemerlang akademik di Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar Pahang, Pekan Pahang Darul Makmur. Kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada kualiti solat yang didirikan serta kesannya kepada usaha-usaha responden untuk meraih kecemerlangan ketika keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia diumumkan. Penghayatan amalan solat yang memenuhi Standard Kualiti Solat sebagaimana yang telah digariskan menjadi salah satu pemangkin dalam mempengaruhi gaya pembelajaran responden. Justeru itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencungkil rahsia kejayaan responden serta sejauh manakah Standard Kualiti Solat dapat mempengaruhi kejayaan yang telah diraih.

**ARTICLE HISTORY**

Received: 20 Nov 2020

Revised: 30 Nov 2020

Accepted: 9 Dec 2020

**KEYWORDS**

Prayer standard of quality

Catalysts

Academic excellence

**PENGENALAN**

Solat memiliki peranan dan keistimewaannya yang tersendiri kerana perintah perlaksanaan yang diterima secara langsung oleh Nabi Muhammad S.A.W di Sidratul Muntaha. Ia menjadikan solat sebagai ibadat terpenting di dalam kehidupan setiap umat Islam. Allah S.W.T juga menjanjikan pelbagai ganjaran sama ada dalam bentuk spiritual mahupun fizikal, duniai dan ukhrawi kepada mereka yang mendirikannya menepati standard kualiti solat sebagaimana yang telah digariskan. Bagi setiap pelajar muslim, rangsangan Allah S.W.T boleh dijadikan sebagai pemangkin terbaik untuk membangkitkan semangat dan menambahkan keyakinan mereka dalam menggarap kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik.

Justeru itu, dalam menyantuni hamba-hamba yang taat melaksanakan perintah-Nya, terutama kepada mereka yang berjaya memenuhi syarat-syarat standard kualiti solat, Allah S.W.T telah melakarkan solat sebagai pusat kecemerlangan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Mukminun, ayat 1 hingga 2 :

فَذَلِكَ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاةٍ هُمْ حُشْعُونَ ۚ

Maksudnya: [1] Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, [2]. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya.

Ayat di atas membuktikan bahawa pelajar-pelajar muslim akan berpeluang untuk meraih kejayaan cemerlang dalam bidang akademik jika solat yang didirikan mencapai piawaian yang telah ditetapkan. Kemanisan kecemerlangan hanya

akan dapat dicapai apabila solat yang didirikan telah memenuhi serta mematuhi standard kualiti solat itu sendiri, iaitu khusyuk. Jika solat didirikan dengan khusyuk, ia mampu memberi impak positif kepada usaha pelajar dalam usaha untuk meraih kecemerlangan akademik. Kenyataan ini boleh dilihat apabila solat yang didirikan berjaya membentuk jati diri pelajar-pelajar sepanjang berlaku proses pembelajaran.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Solat yang didirikan dengan baik dan sempurna sudah pasti akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T di samping menjadi pemangkin bagi setiap kejayaan terutama bidang akademik. Namun, hikmah yang terkandung di dalam solat yang didirikan hanya akan tersingkap bagi mereka yang mendirikannya dengan memenuhi standard kualiti solat itu sendiri. Justeru itu, sebagai seorang pelajar yang sentiasa memerlukan dorongan dan sumber kekuatan, solat yang didirikan serta cukup syaratnya akan bertindak sebagai pendorong dalaman yang paling utuh agar mereka tetap bersemangat serta bermotivasi untuk terus bergerak maju dalam bidang akademik.

Walaupun, solat dilihat sebagai salah satu pemangkin yang mampu menjadi pemudah cara kepada pelajar-pelajar yang ingin mencapai kejayaan cemerlang, namun, pada pandangan mata kasar, ada di kalangan pelajar-pelajar di atas yang dilihat sebagai seorang pelajar muslim yang tekun dalam melakukan ibadat solat, tetapi apabila diukur dari sudut pencapaian akademiknya, ternyata ianya agak kurang memberangsangkan atau gagal memenuhi standard kualiti peperiksaan negara.

Situasi yang dihadapi oleh sesetengah pelajar ini adakalanya akan menjadi salah satu penyebab mereka mula berputus asa dan seterusnya mengambil keputusan untuk berhenti dari meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Apa yang lebih dikhuatir, berkemungkinan ada di kalangan pelajar-pelajar ini yang mula tergoyah keyakinannya terhadap ibadat solat. Bahkan, apa yang lebih merisaukan jika ada di antara mereka yang mula mempertikaikan kebenaran janji-janji Allah S.W.T dan Rasul-Nya S.A.W.

Lantaran itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti cara perlakuan solat yang dapat memenuhi standard kualiti solat sekaligus boleh dijadikan sebagai *motivator* terbaik bagi pelajar-pelajar yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Ia bersesuaian dengan ketegasan Allah S.W.T di dalam firmanNya yang bermaksud:

[1] *Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, [2]. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya.* Surah al-Mukminun, ayat 1 hingga 2 :

Hakikatnya, solat yang sempurna dan memenuhi syarat standard kualiti solat mampu menjadi pemangkin dalam membentuk jati diri pelajar ketika menghadapi proses pembelajaran dan pengajaran sama ada secara formal atau tidak formal.

## **OBJEKTIF**

- i. Mengkaji sejauh manakah standard kualiti solat mampu menjadi pemangkin dalam membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik.
- ii. Mengenal pasti pelbagai keistimewaan yang terdapat di dalam ibadat solat.
- iii. Mengenal pasti standard kualiti solat pelajar cemerlang akademik.
- iv. Menganalisis implikasi standard kualiti solat dalam membentuk jati diri pelajar untuk meraih kecemerlangan akademik.

## **SIGNIFIKAN**

- i. Menanam keyakinan dalam diri pelajar terhadap peranan ibadat solat dalam menjamin kecemerlangan akademik.
- ii. Menjadikan standard kualiti solat sebagai pemangkin dan mekanisme terbaik untuk mencapai kecemerlangan akademik.
- iii. Membangun dan membina jati diri pelajar melalui amalan ibadat solat yang sempurna.
- iv. Menjadikan pelajar cemerlang akademik yang mengutamakan standard kualiti solat sebagai ikon atau *rule model* terbaik kepada masyarakat luar.
- v. Memberi panduan dan motivasi kepada ibu bapa, masyarakat dan para pelajar dalam mencari solusi terbaik untuk meraih kecemerlangan dalam bidang akademik.

## **SOROTAN KAJIAN**

Mengupas isu Standard Kualiti Solat Sebagai Pemangkin Kecemerlangan Akademik, sorotan kajian telah mengambil pendekatan dengan menjadikan penulisan-penulisan para ulama terdahulu dan masa kini serta kajian-kajian dari para cendikiawan sebagai sumber rujukan. Hasil dapatan kajian dan tulisan para ilmuan ini merupakan salah satu bukti kukuh terhadap dakwaan mengenai solat yang dilakukan dengan mematuhi standard kualiti yang telah ditetapkan mampu berperanan sebagai pemangkin dalam melahirkan pelajar cemerlang akademik. Ia juga dijadikan sebagai garis panduan di dalam kajian ini agar hasil dapatan kajian lapangan penulis selari dan selaras dengan hasil dapatan kajian para ahli ilmu yang muktabar.

Imam Al-Ghazali yang terkenal sebagai *Hujjatul Islam* kerana ketokohan dan ketinggian ilmunya telah menyimpulkan bahawa solat adalah himpunan-himpunan zikir-zikir dan ia menjadi ibadat para malaikat yang berada di setiap lapisan langit. Arahan berzikir tersebut pastinya datang daripada Allah S.W.T. Bagi umat Islam, perintah mendirikan solat menjadi sangat istimewa kerana ia telah diterima oleh Nabi Muhammad S.A.W secara langsung daripada Allah S.W.T di Sidratul Muntaha ketika baginda telah dimikrajkan.

Dalam menentukan waktu-waktu untuk mendirikan solat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T, pengkaji menjadikan buku Fiqh Islam Mazhab Syafie, sebagai rujukan. Tajuk asal buku ini ialah *Matn al-Ghayah wa At-Taqrab*, tulisan Syeikh Ahmad bin Husain Al-Isfahani. Selepas ditahqiqkan, tajuk buku ini diubah menjadi *At-Tadhib fi Adillati Matn Al-Ghayah wa At-Taqrab*. Di dalam buku ini, penulisnya telah menghuraikan secara mendalam mengenai waktu-waktu solat dengan bersandarkan pada petikan dari surah Hud, ayat 114:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِيَ النَّهَارِ وَزُلْفًا مِنَ الظَّلَى ..... الْخَ ١١٤

Maksudnya : [114] *Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam....*

Di dalam kitab Tafsir Ibnu Kathir telah dihuraikan bahawa Ali bin Abi Talhah menyatakan: "menurut Ibnu Abbas ra, yang dimaksudkan dengan solat pada kedua bahagian siang dan petang adalah solat subuh dan solat maghrib". Pendapat beliau telah disokong oleh Al-Hasan dan Abdur Rahman bin Zaid bin Aslam. Al-Hasan di dalam riwayat Qatadah dan Ad-Dahhak serta ulama-ulama yang lainnya berpendapat bahawa, "adalah dimaksudkan dengan solat dua bahagian siang ialah solat subuh dan asar", manakala Mujahid berpendapat bahawa "ia adalah solat subuh yang diikuti dengan solat zuhur dan solat asar".

Dalam mentafsirkan ayat 'وَزُلْفًا مِنَ الظَّلَى', Ibnu Abbas, Mujahid, Al-Hasan dan lain-lainnya, berpendapat bahawa ia adalah solat Isyak. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dan lain-lain, Abu Musa Al-Asy'ari berkata, Rasulullah pernah ditanya mengenai waktu-waktu solat, baginda menjawab pertanyaan tersebut dengan cara mendirikan solat mengikut waktu waktu yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T sebagai jawapan soalan yang telah diajukan kepada baginda.

Dari sudut kajian ilmiah dan saitifiknya, para sarjana sama ada yang beragama Islam atau tidak telah bersepakat dalam memperakui kelebihan bagi mereka yang mendirikan solat.

Antaranya:

- Norhasanuddin (2010) di bawah tajuk 'Kuasa Di Sebalik Solat (The Power of Solat): Terapi Membina Kesihatan Jasmani Dan Rohani Melalui Gerakan Solat dengan tajuk asalnya Al-I'jaz Al Haraki fi as-Shalah, telah mengetengahkan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Syaikh Jalal Muhammad Syafi'i iaitu:
  - Kekuatan inersia atau refleks akan dapat menyimpan darah dengan sempurna di dalam tubuh seseorang ketika melakukan iktidal dan thama'ninah yang kemudiannya diikuti dengan gerakan menurunkan badan untuk bersujud.
  - Solat yang didirikan dapat memberi kelegaan pada setiap sistem organ dalam manusia dan mengembalikannya pada kedudukan asal terutama pada waktu sujud. Selain itu, ia juga dapat membantu memulihkan sistem pernafasan agar lebih baik dan sempurna apabila pengaliran oksigen ke setiap organ berjalan secara lancar.

Berdasarkan kajian Syaikh Jalal Muhammad Syafi'i ini, ia dengan jelas menunjukkan bahawa setiap sistem organ yang terdapat di dalam tubuh manusia memiliki tugasnya yang tersendiri bagi memastikan kelangsungan hayat manusia. Jika salah satu daripadanya tidak berfungsi dengan baik, ia akan memberi impak negatif sehingga menyebabkan manusia sukar menjalani kehidupan mereka dengan sempurna.

- Muhammad bin Suud Al-Uraifi turut memperkatakan tentang kelebihan solat di dalam tulisannya yang bertajuk 'Mukjizat Penyembuhan Penyakit'. Beliau berpendapat bahawa solat tahajjud boleh dijadikan sebagai teori kawalan pintu atau *gate control*. Menurut Muhammad bin Suud Al-Uraifi, pendiri solat tahajjud bukan hanya sekadar mampu mengendalikan stress secara biokimia, tetapi solat tahajjud juga dapat bertindak sebagai agen motivasi dalam memproses kognisi manusia. Ringkasnya, solat yang didirikan pada waktu malam merupakan salah satu mekanisme bagi mereka yang ingin melakukan perubahan dalam bentuk persepsi, motivasi mahu pun dalam proses kognisi.
- Alder R. & Cohen N dalam kajian mereka mengenai solat malam turut bersepakat bahawa, "solat tahajjud yang dilakukan dengan ikhlas akan dapat membantu memperbaiki emosional positif dengan cara mengawal dan menghindarkan tindakan stress dalam diri pendirinya. Justeru itu, jika solat tahajjud dilakukan tanpa niat yang ikhlas, ia akan memberi kesan yang negatif disebabkan homeostasis gagal berfungsi bagi menyesuaikan diri terhadap pola ritma sirkadian. Sifat ini lazimnya akan menjadi rendah pada waktu malam, tetapi ketika solat tahajjud didirikan ia akan tetap meninggi.
- Menyoroti kajian yang dijalankan oleh Prof. Madya Dr. Fatimah Ibrahim, Prof. Dr. Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok dari Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya mendapati, umat Islam yang mendirikan solat dengan sempurna mempunyai tahap kesihatan yang lebih baik berbanding mereka yang solatnya tidak sempurna.

Melalui kajian ini, isyarat otak orang Islam yang mendirikan solat telah direkodkan dengan tujuan untuk melihat perubahan otak manusia semasa thama'ninah serta kesannya kepada isyarat otak mereka. Menurut Ng Siew Cheok, ibadat

solat yang didirikan mampu memberi ketenangan kepada otak di samping mengekalkan tahap kesihatan fizikal, menstabilkan emosi dan mental kerana gelombang yang dihasilkan dalam setiap pergerakan solat akan dibawa ke otak yang berfungsi sebagai penggerak utama dalam menstabilkan setiap sistem dalaman tubuh badan manusia.

Seorang pakar neurology dari Amerika Syarikat telah memeluk Islam hanya disebabkan penemuan beliau mengenai saluran darah yang membekalkan oksigen kepada otak manusia ketika solat. Menurutnya, darah akan memasuki saluran darah, seterusnya akan membawa oksigen ke dalam otak manusia ketika mereka sedang sujud. Justeru itu, perlakuan sujud yang dilakukan di dalam solat fardhu sehari semalam adalah saat otak manusia menerima oksigen yang dibekalkan oleh aliran darah yang mengalir manusia.

Sinopsis dari kajian di atas menunjukkan kepentingan peranan solat dalam kehidupan umat Islam. Justeru itu, setiap pelajar yang ingin mencapai kejayaan cemerlang seharusnya menjadikan solat sebagai kunci ketika mengendalikan proses pembelajaran. Melalui solat, mereka akan dapat berdampingan dengan Allah swt dan mendapat pertolongan daripada-Nya.

Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah, ayat 153:

يٰٰيُهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِنُو بِالصَّابَرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ۖ ۱۵۳

Maksudnya : [153] Hai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan (mengerjakan) salat, sesungguhnya Allah bersama orang-orang sabar.

Berpandukan ayat di atas, ia boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi dan motivasi kepada para pelajar yang ingin berjaya dengan cemerlang dalam bidang akademik. Adalah sangat wajar bagi setiap pelajar muslim berpegang teguh dan beristiqamah dalam mendirikan ibadat justeru kerana peranan dan keistimewaan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T boleh dijadikan sebagai wasilah atau mekanisme dalam usaha mereka menggapai kecemerlangan akademik.

Solat juga bukan sekadar perlakuan ibadat untuk menunjukkan ketaatan seseorang hamba kepada penciptanya iaitu Allah S.W.T semata-mata, tetapi ia juga merupakan salah satu cara umat Islam berdoa dan memohon setiap pertolongan daripada-Nya. Lantaran itu, setiap pelajar muslim seharusnya mengambil peluang yang ditebarkan oleh Allah S.W.T kepada setiap hamba-Nya. Ia merupakan peluang terbaik bagi mereka agar setiap usaha yang dilakukan lebih bermakna dan seterusnya kejayaan hakiki yang menjadi impian dapat dicapai dengan jayanya.

Jika setiap solat yang didirikan dengan sempurna mengikut standard kualiti solat yang telah ditetapkan, ianya pasti akan dapat memberi impak yang lebih baik dan sempurna kepada para pelajar yang ingin meraih kecemerlangan. Bagi para pelajar yang menjadikan solat sebagai wasilah atau mekanisme sebagai pemangkin dalam mengejar kejayaan akademik, ia merupakan pilihan yang terbaik. Jika setiap solat yang didirikan menepati standard kualiti solat, ia sudah pasti menjadikan pendiri solat tersebut mendapat keberkatan dalam kecemerlangan yang diperolehi.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha membuktikan kebenaran mengenai *Standard Kualiti Solat Sebagai Pemangkin Kecemerlangan Akademik*, pengkaji menggabungkan dua kaedah iaitu kualitatif dengan kuantitatif agar hasil dapatan kajian lebih relevan antara teori yang diperolehi dengan fakta dan data yang dikutip. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan bukti kukuh mengenai keberkesanannya solat yang didirikan memenuhi standard kualiti solat serta perannannya sebagai mekanisme dan pemangkin dalam kejayaan akademik pelajar-pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Pengkaji berpendapat bahawa kedua-dua kaedah ini memiliki kelebihan yang tersendiri serta dapat mengukuhkan hasil dapatan kajian.

- Kaedah kualitatif.** Melalui kaedah ini, kepentingan solat dalam kehidupan umat Islam dirungkai berdasarkan kajian terhadap kupasan-kupasan yang telah dilakukan oleh mereka yang pakar dalam bidang keagamaan atau lebih dikenali sebagai *literature review*. Sehubungan dengan itu, solat yang didirikan mengikut standard kualiti solat yang berperanan dalam membantu proses kejayaan pelajar cemerlang akademik juga turut dianalisis secara saintifik, iaitu dengan cara mendapatkan fakta ilmiah berdasarkan hasil temu bual dengan responden kajian.
- Kaedah kuantitatif** merupakan kajian lapangan yang memerlukan responden yang terlibat dengan kajian ini menjawab soalan kaji selidik. Peratus yang diperolehi bagi setiap jawapan menjadi bukti yang signifikan dalam mengukuhkan hasil dapatan kajian. Melalui kaedah kualitatif, hasil dapatan kajian dapat diketengahkan, sekaligus membantu menyakinkan orang ramai terutama para pelajar mengenai peranan, keistimewaan serta kemampuan ibadat solat dalam merealisasikan impian dalam usaha mereka untuk meraih kecemerlangan akademik.

Kaedah kualitatif dan kuantitatif dianggap sama penting dalam kajian ini kerana ia dilihat akan dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih ilmiah serta boleh dipercayai akan kewajarannya. Solat yang didirikan menepati piawaian standard kualiti solat pastinya mempunyai peranan dan keistimewaan yang tersendiri dan ia tidak dapat diragukan lagi apabila para ulama, ilmuwan Islam dan bukan Islam telah membuktikannya melalui kajian yang dilakukan oleh mereka.

Justeru itu, penggabungan kedua-dua kaedah ini dilihat lebih relevan serta lebih efisyen kerana ia saling melengkapkan antara satu sama lain. Ia juga merupakan kapsul terbaik bagi mereka yang masih mencari-cari cara untuk meningkatkan tahap motivasi kendiri dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Berikut adalah perincian mengenai kerangka kajian dan metodologi yang digunakan.

**Jadual 1.** Jadual kerangka penganalisisan data dan metodologi kajian

Bil	Item / Metod Kajian	Kualitatif	Kuantitatif
1	Reka bentuk kajian	i. Bahan bercetak ii. Temu bual	Borang soal selidik
2	Peserta kajian	14 orang responden	a. Manual /primer 100 Orang sampel b. Google forms 38 Orang responden
3	Instrumen kajian	i) Bahan cetakan a. Buku-buku b. Artikel-artikel ii) Temu bual	i. Borang soal selidik a. Manual /primer b. Google forms
4	Bentuk data	Ayat yang dibina berdasarkan pembacaan dan hasil temu bual	Berbentuk angka yang boleh diukur
5	Pemerolehan data	Microsoft Word	i. Microsoft Excel - Jadual / rajah - Graf / carta

Pembinaan kerangka penganalisisan data seperti dalam Jadual:1 membolehkan pengkaji melihat dengan lebih jelas mengenai data-data kajian yang akan diproses. Penggabungan metodologi kajian, iaitu kualitatif dan kuantitatif, pembinaan kerangka penganalisisan data dilihat sangat membantu dalam proses membuat analisis data. Pengkaji akan dapat menghurai data-data yang diperolehi dengan lebih berfokus mengikut kaedah yang digunakan.

## ANALISIS DATA KAJIAN

Langkah seterusnya adalah pembinaan borang kaji selidik dengan membahagikannya kepada tiga langkah:

- Langkah pertama** adalah soal selidik kepada pelajar-pelajar yang menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) secara rawak. Mereka dikenali sebagai sampel kajian.
- Langkah kedua** adalah soal selidik yang dikemukakan melalui *google forms* kepada pelajar berdasarkan kecemerlangan dalam keputusan STAM. Mereka adalah responden yang dipilih secara rawak. Soalan yang dikemukakan menjurus ke arah cara pelaksanaan solat yang mematuhi standard kualiti solat itu sendiri dilakukan oleh responden.
- Langkah ketiga** adalah mengadakan sesi temu bual dengan responden-responden yang terpilih. Sesi temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan cara amalan solat dan gaya pembelajaran mereka. Terdapat tiga bentuk kaji selidik yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengenal pasti responden. Bentuk pertama adalah edaran borang secara premier dan langkah kedua adalah melalui borang kaji selidik dalam *google forms*. Bentuk ketiga adalah mengadakan sesi temu bual dengan responden cemerlang yang terpilih. Semua responden yang ditemu bual adalah atas kesudian dan kerelaan mereka sendiri.

Semua data yang diproses melalui kaedah kuantitatif adalah berdasarkan hasil dapatan kajian yang dijalankan melalui kaedah soal selidik kepada populasi kajian, yang terdiri daripada sampel dan responden kajian. Namun begitu, kaedah kualitatif turut diserapkan di dalam kajian ini, dengan cara menemubual dengan pelajar cemerlang akademik yang juga merupakan responden kajian. Data-data yang telah dipungut dan diproses akan menghasilkan dapatan hasil kajian.

Terdapat tiga bentuk analisis data berdasarkan kajian yang telah dijalankan iaitu:

- Soalan Kaji Selidik Secara Primier Atau Manual.** Sampel kajian dikehendaki menjawab empat bahagian soalan yang dikemukakan, iaitu:

**Bahagian A: Maklumat peribadi pelajar.**

**Bahagian B: Maklumat awal mengenai ibadat solat.**

Soalan kaji selidik di dalam *Bahagian A* dan *B* bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat asas daripada sampel-sampel kajian berkaitan pengetahuan ibadat solat yang diperolehi oleh mereka.

**Bahagian C: Ciri-ciri Standard Kualiti Solat sebagai pemangkin kecemerlangan akademik**

Setiap pernyataan dalam *Bahagian C* adalah untuk mengetahui sejauh manakah ciri-ciri standard kualiti solat yang sempurna sehingga mampu menjadi pemangkin dan mekanisme terbaik dalam menjana kecemerlangan akademik sampel kajian.

Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh sampel-sampel kajian telah membuktikan bahawa sebahagian besar daripada kalangan mereka **sangat bersetuju** bahawa solat yang didirikan dengan sempurna boleh membantu mereka meraih kecemerlangan dalam bidang akademik. Umpamanya, *menunaikan solat ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T,* merupakan asas utama agar solat diterima, sekaligus memudahkan sampel memohon pertolongan daripada Allah S.W.T untuk menguasai ilmu yang dipelajari.

Seiringan dengan itu, setiap sampel seharusnya mengetahui tujuan solat didirikan kerana ia akan mempengaruhi gaya pembelajaran mereka yang ingin meraih kecemerlangan dalam bidang akademik. Peratusan hasil analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan sampel mengetahui tujuan solat didirikan, namun, masih terdapat daripada kalangan mereka yang hanya setuju dengan pendapat tersebut. Sewajarnya setiap sampel kajian menaruh kepercayaan dan keyakinan yang sepenuhnya bahawa solat yang didirikan akan diterima oleh Allah S.W.T, sesuai dengan firman-Nya dalam surah Al-Imran, ayat 159 :

صَلَادًا عَرَمْتَ فَوَكَلْ عَلَى اللَّهِ يُجْبِ الْمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩

Maksudnya: [159] .... apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah S.W.T memberi telah memberi jaminan kepada mereka yang menaruh harapan serta yakin kepada-Nya akan dikasihi. Fitrah ciptaan Allah S.W.T setiap kekasih pasti akan memberi yang terbaik kepada yang dikasihi. Justeru itu, jika sampel kajian menaruh keyakinan sepenuhnya bahawa solat yang didirikan dengan sempurna dan mematuhi syarat kualiti solat sudah pasti akan diterima oleh Allah S.W.T . Lantaran itu, adalah tidak mustahil bagi-Nya untuk memudahkan serta memberi jalan terbaik untuk mereka berjaya di dalam bidang pelajaran seterusnya meraih kejayaan yang cemerlang.

Khusyuk atau menghadirkan hati ketika mendirikan solat merupakan elemen terpenting yang perlu ada pada setiap individu muslim terutamanya kepada mereka yang bergelar pelajar. Bagi para sampel kajian, khusyuk di dalam solat boleh dijadikan sebagai acuan untuk melatih mereka memberi tumpuan sepenuh perhatian semasa berlakunya proses pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal.

Jalan terbaik yang perlu dilakukan oleh sampel kajian adalah dengan berusaha untuk khusyuk atau menghadirkan hati ketika solat. Ini kerana ikhlas serta khusyuk di dalam solat merupakan salah satu intipati terpenting dalam memenuhi kehendak standard kualiti solat yang boleh menyebabkan solat-solat yang didirikan di terima oleh Allah S.W.T kemampuannya menjadi *motivator* terbaik bagi mereka yang ingin mencapai kecemerlangan akademik, khususnya ketika menghadapi peperiksaan.

Justeru itu, adalah tidak wajar jika ada di kalangan sampel yang *tidak bersetuju* dengan pernyataan bahawa perlunya menghadirkan hati ketika solat didirikan sebagaimana maklum balas yang diberikan oleh beberapa orang sampel ketika menjawab persoalan di dalam kaji selidik tersebut.

#### **Bahagian D: Standard Kualiti Solat sebagai pemangkin dalam membentuk jati diri pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik**

Setiap gerakan solat dipenuhi dengan disiplin-disiplin yang boleh dijadikan acuan bagi melatih diri sampel agar lebih berdisiplin sama ada sebelum, semasa dan selepas menuntut ilmu. Jika sebelum mendirikan solat, umat Islam perlu membersihkan diri secara zahir dan batin serta berniat dengan penuh keikhlasan agar solat yang didirikan diterima oleh Allah S.W.T, begitu juga dengan proses pembelajaran, ia memerlukan persediaan mental dan fizikal agar ilmu yang diperolehi dapat disimpan di dalam memori akal fikiran.

Semasa mendirikan solat, tumpuan dan penghayatan menjadi aspek yang sangat penting kerana ia melibatkan kekhusyukan hati dan minda, begitu juga semasa belajar, sampel perlu menumpukan sepenuh perhatian ketika berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuannya supaya segala ilmu yang diperolehi lebih mudah difahami dan kemahirannya dapat dikuasai dan disimpan di dalam memori ingatan.

Jika selepas solat doa dipohonkan agar segala impian dan harapan dimakbulkan oleh Allah S.W.T begitu juga selepas belajar. Sampel perlu berdoa dan mengharap kepada Allah S.W.T agar segala bacaan, hafalan dan setiap ulangkaji yang dilakukan dapat diingati dan difahami dengan sebaik-baiknya supaya mudah bagi mereka menjawab setiap soalan yang dikemukakan terutama ketika di dalam peperiksaan, di samping menjadikan ilmu sebagai panduan di dalam melayari kehidupan dunia dan mencapai kesejahteraan di alam akhirat.

Sememangnya tidak dapat dinafikan, kecemerlangan akademik sangat berkait rapat dengan solat. Jika sampel berjaya mendirikan solat mengikut syarat-syarat dan rukun-rukunnya dengan penuh kesedaran dan dengan rela hati, mereka akan dapat mengecapi kecemerlangan akademik sebagaimana yang diimpikan-impikan. Ini kerana, solat bukan sekadar menyembah Allah S.W.T semata-mata, tetapi ia juga berperanan sebagai satu mekanisme yang boleh dijadikan sebagai pemangkin untuk memberi kejayaan cemerlang kepada mereka yang mendirikannya. Justeru itu, standard kualiti solat dengan kecemerlangan akademik boleh diibaratkan seperti “*umpama isi dengan kuku*” dan “*aur dengan tebing*”, iaitu sesuatu yang mustahil untuk dipisahkan.

- ii. Analisis Data Soal Selidik Dari Google Forms.** Semua pelajar yang menjawab soalan bahagian ini dinamakan responden. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang telah mencapai kecemerlangan di dalam keputusan peperiksaan STAM.

Hasil dapatkan kajian yang dilakukan di dalam *google forms* mendapati majoriti responden menjadikan solat sebagai wasilah untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik dengan merujuk pada firman Allah S.W.T sebagaimana yang tercatat dalam surah Al -Ghafir, ayat 60:

الخ ٦٠ ... وَقَالَ رَبُّكُمْ أَذْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: [60] *Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu....*

Hakikatnya, pelajar yang inginkan menempa kecemerlangan juga perlu sentiasa menaruh harapan dengan membanyakkan doa kepada Allah S.W.T, ini kerana setiap perjuangan untuk mencapai kejayaan sudah pasti akan berhadapan dengan pelbagai halangan dan kesusahan. Oleh itu, pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berdoa agar sepanjang proses pembelajaran yang dilalui akan dapat ditempuhi dengan tabah dan sabar, sekaligus menjadikan matlamat dan objektif pembelajaran dapat dicapai dengan jayanya.

### **iii. Temu bual.**

Semua responden yang ditemu bual telah dimaklumkan terlebih dahulu secara lisan bahawa sesi temu bual yang dijalankan akan dirakam dan direkodkan. Setelah mendapat persetujuan daripada responden terlibat, pengkaji menggunakan sistem rakaman suara yang terdapat di dalam telefon bimbit model vivo 1713 dengan software version PD1612DF\_EX\_A\_3.7.0 milik pengkaji. Rakaman temu bual ini bertujuan untuk memberi ruang kepada pengkaji menganalisis isi kandungan temu bual dengan lebih teliti. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang standard kualiti solat serta hubungannya dengan kecemerlangan akademik daripada responden yang dijadikan sebagai sasaran kajian.

Bagi memudahkan analisa temu bual dilakukan, rakaman temu bual yang diadakan dengan responden telah disalin semula dalam bentuk transkrip dan difailkan ke dalam sistem aplikasi *Microsoft Excel* dan dieksport ke *Microsoft Word*. Seramai 14 orang responden yang ditemu bual telah memberi kebenaran secara lisan agar nama mereka dicatat ketika pengkaji membuat analisis hasil temu bual tersebut. Berikut adalah transkrip temu bual dengan responden cemerlang akademik.

**Jadual 2.** Transkrip temu bual dengan responden (jawapan terbuka)

Label / Nama Responden	Soalan	Jawapan yang ditranskrip
Responden 1 Nurul Adilah binti Abdullah	S1	Solat berkait rapat dengan disiplin dan di dalam solat ada disiplin. Sehebat mana pun seseorang itu tidak akan berjaya tanpa disiplin.
	S2	Dalam solat saya perlu memahami apa yang dibaca begitu juga dengan pelajaran. Baiki cara solat dan yakin bahawa solat yang didirikan dapat membantu mencapai kejayaan akademik.
Responden 2 Nurul Athirah binti Ashaari	S1	Solat sebagai wasilah untuk mendapatkan kerberkatan bagi setiap ilmu yang dipelajari.
	S2	Mendidik saya untuk menjadi orang yang berdisiplin dan menghormati ilmu.
Responden 3 Nurul Izzah binti Mohd Azmi	S1	Solat membentuk akhlak seseorang seperti menepati masa (contoh solat di awal waktu) dan berdisiplin.
	S2	Solat dapat mendidik hati saya supaya tenang menghadapi peperiksaan.
Responden 4 Nurul Aisyah binti Anuar	S1	Solat melatih diri saya untuk lebih fokus dalam pelajaran. Dalam solat kita kena fokus ketika membaca dalam solat.
	S2	Cara saya solat adalah dengan memberi tumpuan atau fokus ketika dalam solat dan ia membantu saya ketika belajar
Responden 5 Marwa binti Azlan	S1	Solat menghindarkan diri dari melakukan maksiat yang menyebabkan hati jadi gelap dan susah terima ilmu.
	S2	Usaha jaga solat di awal waktu bermula dari niat ketika berwuduk.
Responden 6 Muhammad Aminuddin bin Othman	S1	Kejayaan adalah milik Tuhan dan solat adalah perintah Tuhan. Kalau hendak berjaya perlu jalin hubungan baik dengan Tuhan melalui solat.
	S2	Yakin melalui solat Tuhan akan memberi yang terbaik. Melazimi solat-solat sunat seperti solat hajat dan solat tahajjud
Responden 7 Muhammad Amirul Farhan bin Kamaruddin	S1	Solat mendekatkan diri seseorang dengan Allah. Mereka yang tidak menjaga hubungan dengan Allah mungkin sukar untuk mencapai kejayaan.
	S2	Memahami makna bacaan dalam solat. Khusyuk. Menjaga tingkah laku ketika dalam solat dan menjaga rukun-rukun solat dengan sempurna.
Responden 8 Muhammad Basir bin Mohd Borhan	S1	Solat merupakan perintah utama dan ia mempengaruhi keputusan peperiksaan saya sendiri apabila saya lebih mengutamakan ulangkaji berbanding dengan solat.
	S2	Saya lebih suka solat berjamaah kerana ada thoma'ninah. Dapat menghayati bacaan imam, begitu juga di dalam kelas saya akan cuba meahami apa yang diajar oleh guru.


**Jadual 2.** (samb.)

Label / Nama Responden	Soalan	Jawapan yang ditranskrip
Responden 9	S1	Orang yang berusaha boleh berjaya, tetapi orang yang menunaikan solat akan lebih berjaya.
Syafikah Amirah binti Shukry	S2	Saya berusaha untuk khusyuk dan ikhlas ketika solat kerana mudah terima dan saya akan rasa lebih tenang.
Responden 10	S1	Janji Allah, siapa yang solat dia akan berjaya. Allah tidak menjanjikan kejayaan kepada orang yang belajar bersungguh-sungguh. Solat menjauhkan seseorang dari maksiat dan ia dapat memberi kesan positif pada akademik.
Siti Nurul Hana' binti Sha'ari	S2	Membanyakkan solat-solat sunat seperti tahajjud di samping belajar bersungguh-sungguh.
Responden 11	S1	Solat dilakukan dengan khusyuk dan tawaduk supaya Allah memakbulkan doa kita. Misalnya, "apabila kita meminta duit daripada ibu bapa, kita mestilah meminta dengan bersungguh-sungguh, begitu juga apabila meminta kepada Allah."
Abdul Hakim bin Abdul Hamid Zawawi	S2	Sebelum solat saya akan membaca istighfar, membaca surah an-Nas agar saya dapat khusyuk ketika solat.
Responden 12	S1	Solat membuatkan kita fokus dalam membuat sesuatu perkara dan ia boleh dipraktik di dalam kecemerlangan akademik.
Ahmad Basyar bin Saifuzzaman	S2	Semasa menghadapi peperiksaan, solat paling banyak yang saya buat seperti solat-solat sunat dan sebagainya.
Responden 13	S1	Kejayaan sebenar bila kita dekat dengan Allah. Solat salah satu cara terbaik untuk kita hampiri kejayaan.
Muhammad Aminul Fathi bin Ahmad Jalalin	S2	Cara saya berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik adalah dengan melakukan solat-solat malam seperti solat tahajjud.
Responden 14	S1	Dalam azan perkataan solat mendahului al-falah yang bermaksud kejayaan. Ia menunjukkan bahawa kena buat solat dahulu baru akan datang kejayaan. Begitu juga dengan belajar.
Benjamin Akhyar Bin Akhyar	S2	Saya memastikan bahawa solat yang didirikan adalah dengan khusyuk dengan cara memahami dan menghayati baca-bacaannya. Begitu juga ketika sedang belajar, khusyuk diperlukan agar mudah memahami ajaran guru.

Jadual 2: merupakan transkrip hasil temu bual antara pengkaji dengan responden kajian. Ia melibatkan 14 orang responden yang menawarkan diri secara suka rela untuk ditemu bual. Umumnya, kajian ini menggunakan metode temu bual semi struktur, iaitu menggunakan garis panduan berdasarkan soalan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan proses temu bual selaras dengan persoalan kajian dan objektif kajian. Melalui metode ini juga, responden dapat menyatakan pendapat mereka mengenai persoalan kajian iaitu standard kualiti solat sebagai pemangkin kecemerlangan akademik dengan lebih mudah.

Dapatan hasil temu bual dengan responden kajian seterusnya dilakarkan dalam bentuk graf supaya lebih mudah dilihat dan difahami.

#### **Soalan 1-Beri pendapat anda mengenai solat sebagai mekanisme kecemerlangan akademik**

**Graf 1.** Dapatan hasil temu bual pengkaji dengan responden (Soalan 1= S1)

Graf 1: Menunjukkan dapatan hasil temu bual di antara pengkaji dengan responden berhubung standard kualiti solat sebagai pemangkin kecemerlangan akademik. Setelah melakukan analisis, didapati responden telah memberi penekanan pada beberapa item penting yang menjadi faktor utama kejayaan akademik mereka.

Seramai 6 orang responden kajian berpendapat bahawa **wasilah** di dalam solat dapat diwujudkan dan dijalankan antara responden dengan Allah S.W.T. Ini kerana, solat merupakan penghubung antara hamba dengan Allah sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam ayat-ayat suci al-Quran al-Karim. Menurut mereka, tanpa wasilah sudah pasti kejayaan cemerlang dalam akademik sukar untuk dicapai.

**Khusyuk** di dalam solat merupakan intipati penting kepada tiga orang responden kajian. Menurut mereka, kekhusukan hati semasa solat menjadikan mereka semakin hampir dengan Allah S.W.T. Secara tidak langsung, segala hajat terutama untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan akan mudah tercapai. Ini kerana sifat khusyuk ini dapat melatih diri mereka untuk memberi tumpuan semasa guru sedang mengajar atau semasa mengulangkaji pelajaran.

**Disiplin**. Disiplin merupakan faktor penting dalam seluruh aspek kehidupan manusia. Tanpa disiplin, manusia akan hidup dalam keadaan kucar-kacir dan huru-hara. Bagi dua orang responden, mereka menjadikan disiplin atau tertib di dalam solat sebagai laluan untuk mereka lebih berdisiplin ketika belajar, sekaligus menjadi pemangkin untuk membentuk jati diri agar lebih fokus semasa belajar serta bijak mengurus masa.


Tiga orang responden yang lain mengemukakan pendapat yang berbeza, iaitu seorang responden menjadikan **keikhlasan** dalam mendirikan solat sebagai faktor utama baginya mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik. Seorang responden yang lain menyatakan bahawa dengan mendirikan solat, beliau merasa lebih **tenang** dan dapat menumpukan sepenuh perhatian pada pelajaran, manakala seorang responden lagi menyatakan bahawa, beliau menjadikan solat sebagai **doa** untuknya memohon kejayaan daripada Allah S.W.T.

Berdasarkan dapatan tersebut, solat merupakan mekanisme terbaik dalam usaha responden meraih kejayaan. Ia terbukti apabila semua responden memberi pendapat yang positif terhadap amalan solat sebagaimana yang dipersoalkan oleh pengkaji bagi membuktikan wujudnya *hubungan solat dengan kecemerlangan akademik*.

#### **S2 (Soalan 2) - Bagaimana cara anda melakukan solat dalam usaha untuk mendapatkan keputusan terbaik di dalam peperiksaan,**

Menyingkap hasil dapatan temu bual pengkaji dengan responden cemerlang STAM, ia jelas membuktikan bahawa mereka menjadikan standard kualiti solat sebagai nadi penggerak dalam usaha meraih kejayaan akademik. Walaupun setiap responden berbeza pendapat dalam menentukan elemen-elemen terpenting di dalam solat, namun pada dasarnya, mereka semua bersetuju bahawa solat yang dilakukan dengan mematuhi standard kualiti solat merupakan mekanisme terbaik sekaligus menjadikannya sebagai pemangkin untuk mereka terus melakar kecemerlangan akademik.

Berikut adalah antara elemen-elemen penting dalam solat yang dijadikan sandaran oleh responden sebagai pemangkin kejayaan mereka.



**Graf 2.** Dapatan hasil temu bual pengkaji dengan responden (Soalan 2 = S2)

Graf 2, menunjukkan seramai 6 daripada 14 orang responden atau 42.85% menyatakan bahawa mereka menjadikan **khusyuk** ketika solat sebagai cara terbaik untuk meraih kejayaan. Menurut responden, khusyuk dalam solat dapat melatih mereka untuk memberi tumpuan sepenuhnya semasa guru mengajar di dalam kelas. Selain itu, ia juga membantu mereka untuk lebih fokus di dalam pelajaran terutama ketika sesi ulangkaji dilakukan.

Menjadikan **solat-solat sunat** sebagai mekanisme merupakan salah satu cara bagi 4 atau 24.57% responden berusaha mencapai kejayaan dalam akademik. Menurut responden kajian, mereka lebih yakin apabila solat-solat sunat seperti solat sunat, tahajjud dan sebagainya dapat didirikan, kerana ia umpsama bonus atau hadiah yang dapat dipersembahkan kepada Allah S.W.T, lantaran hubungan yang terjalin dengan lebih erat. Secara tidak langsung, ia memberi laluan mudah untuk mereka meminta apa sahaja yang dihajati terutama yang berkaitan dengan kecemerlangan akademik.

**Disiplin-disiplin** di dalam solat menjadi pendorong utama kepada 2 atau 14.28% orang responden untuk meraih kejayaan dalam akademik. Menurut responden, syarat-syarat sah solat serta rukun-rukun solat yang menjadi asas batal atau sah solat seseorang banyak membantu mereka menjadi pelajar yang berdisiplin. Umpamanya, semasa proses pengajaran dan pembelajaran, mereka dapat mengelakkkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh

menimbulkan ketegangan dan sebagainya, sehingga boleh menyebabkan mereka ketinggalan setiap ilmu dan kemahiran yang diajar oleh guru.

**Yakin** bahawa solat diterima oleh Allah S.W.T menjadi mekanisme bagi 2 atau 14.28% orang responden kajian. Mereka berpendapat, mendirikan solat dengan penuh keyakinan bahawa solat akan diterima menjadikannya lebih yakin untuk berjaya dengan cemerlang dalam akademik. Ini kerana, apabila sifat yakin tertanam di hati, ia dapat memberi rangsangan positif pada otak dan secara tidak langsung memberi semangat kepada responden untuk terus belajar dengan lebih tekun sehingga berjaya meraih kejayaan yang cemerlang dalam akademik.

Mendirikan ***solat-solat fardu secara berjamaah*** menjadi pemangkin dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik telah disuarakan oleh seorang atau 7.14% responden. Menurutnya, solat yang didirikan secara berjamaah ternyata mampu mendidiknya menjadi seorang pelajar yang patuh pada arahan guru. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa mematuhi arahan guru merupakan salah satu jalan terbaik bagi setiap pelajar yang ingin meraih kejayaan kerana terdapat banyak keberkatan di dalamnya. Berikut adalah saringan transkrip hasil temu bual pengkaji dengan responden.

**Jadual 3.** Penyaringan transkrip dan rumusan dapatan hasil temu bual

Tema	Soalan Temu bual	Kod (Penafsiran)	Pernyataan Temu bual
Standard Kualiti Solat pemangkin kecemerlangan akademik	Beri pendapat anda mengenai hubungan solat dengan kecemerlangan akademik	Calon-calon STAM Kulliah Sampel kajian	Jika kita membincangkan tentang solat, ia boleh dijadikan sebagai mekanisme terbaik bagi pelajar untuk memperolehi kecemerlangan dalam bidang akademik. Mereka boleh mengaitkan peranan solat sebagai mekanisme kecemerlangan akademik.
	Bagaimana cara anda melakukan solat dalam usaha untuk mendapatkan keputusan terbaik di dalam peperiksaan	Responden kajian	Solat merupakan perintah Allah yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam. Sebagai pelajar, melaksanakan solat dengan khusyuk serta mematuhi segala rukunnya dapat membentuk jati diri, sekaligus menjadikan mereka lebih berdisiplin semasa belajar.
		Responden temu bual	Semua responden yang ditemu bual bersetuju bahawa solat memainkan peranan utama dalam usaha mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Jadual 3, merupakan penyaringan transkrip dan rumusan dapatan hasil temu bual yang dilakukan oleh pengkaji dengan responden-responden yang mengambil STAM dari Kulliah Al-

Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar Pahang Pekan, Pahang Darul Makmur. Berdasarkan dapatan hasil temu bual, dapatlah dirumuskan bahawa semua responden yang ditemu bual *sangat bersetuju* bahawa standard kualiti solat memiliki peranan dan keistimewaan yang tersendiri. Justeru itu, ia boleh dijadikan sebagai mekanisme terbaik bagi pelajar untuk memperolehi kecemerlangan dalam bidang akademik, terutama di saat pelajar menghadapi peperiksaan.

Menurut responden yang ditemu bual, melalui standard kualiti solat mereka dapat membentuk jati diri agar lebih berdisiplin, bijak mengurus masa serta dapat memberi tumpuan sepenuhnya ketika belajar. Amalan jati diri yang diperolehi adalah berhasil dari wujudnya keistimewaan-keistimewaan serta peranan-peranan yang terdapat di dalam solat dan ia turut mempengaruhi gaya pembelajaran mereka.

## DAPATAN UTAMA

Setelah penelitian dan analisis data-data yang diperolehi dilakukan, satu rumusan dapat disimpulkan bahawa standard kualiti solat memainkan peranan yang sangat penting di dalam kecemerlangan akademik pelajar. Ia terbukti apabila semua responden cemerlang yang terlibat dengan kajian ini menyatakan bahawa solat yang dilakukan dengan memenuhi syarat-syarat sah dan rukun-rukunnya dengan sempurna berperanan sebagai pemangkin utama kecemerlangan mereka dalam akademik. Terdapat beberapa elemen penting di dalam solat yang telah dijadikan sebagai kerangka utama responden dalam mengolah gaya pembelajaran agar kejayaan cemerlang dalam peperiksaan dapat diraih.

Selain itu, responden yang ditemu bual juga berpendapat bahawa standard kualiti solat memiliki peranan dan keistimewaan yang tersendiri sehingga mampu menjadi pemangkin terbaik dalam pembentukan jati diri mereka agar menjadi pelajar cemerlang yang berkualiti selaras dengan kualiti solat yang didirikan. Justeru itu, adalah wajar jika setiap responden dan pelajar-pelajar muslim yang lain menjadikan standard kualiti solat sebagai *role modul* sebagai pemangkin dan mekanisme terbaik dalam usaha mereka menggapai kecemerlangan akademik.

Berikut adalah elemen-elemen utama di dalam solat sebagaimana yang telah ditegaskan oleh responden, sekaligus menjadi nadi penggerak ke arah kecemerlangan akademik mereka:

- i. ***Ikhlas*** adalah tunggak bagi setiap amalan yang dilakukan. Ini kerana ia dapat menentukan budaya belajar responden. Sikap ini selaras dengan perlunya ikhlas ketika solat didirikan.
- ii. ***Optimistik***, iaitu sentiasa memiliki keyakinan yang tinggi bagi menyuntik semangat untuk berjaya dalam diri responden. Jika di dalam solat, sikap ini sangat penting bagi memastikan solat yang didirikan diterima oleh Allah S.W.T.

- iii. **Berfokus.** Intipati sesebuah kejayaan adalah memberi tumpuan sepenuhnya semasa belajar, sama pembelajaran dilakukan di dalam kelas, luar kelas, secara formal atau tidak formal mahu pun semasa membuat ulangkaji pelajaran. Sikap ini bersesuaian dengan *khusyuk* di dalam solat.
- iv. **Disiplin.** Berdisiplin semasa belajar adalah selaras dengan syarat-syarat sah solat serta rukun-rukun solat yang menjadi penyebab sah atau batal solat seseorang. Standard kualiti solat banyak membantu mereka menjadi seorang pelajar yang berdisiplin.
- v. **Menepati waktu,** sangat dititikberatkan kerana ia membantu responden mengulangkaji pelajaran dengan lebih sistematis. Amalan ini juga bertepatan dengan amalan menunaikan solat pada waktu-waktu yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T sama ada solat fardu atau solat-solat sunat.
- vi. **Belajar dari awal.** Membuat persiapan awal sebelum menghadapi peperiksaan sangat bertepatan dengan amalan menunaikan solat di awal waktu. Solat diawal waktu menjadikan seseorang lebih tenang, berpeluang mendirikan solat secara berjamaah dan meriah pahala berlipat ganda.
- vii. **Menghormati guru,** merupakan salah satu faktor terpenting bagi setiap pelajar kerana selain dari buku-buku, guru adalah sumber rujukan utama yang perlu ditaati dan dipatuhi, begitu juga dengan amalan menunaikan solat secara berjamaah, makmum perlu mengikuti dan menuruti setiap pergerakan imam agar solatnya tidak terbatal.
- viii. **Segera menyiapkan tugasan,** menjadi tugas dan tanggungjawab responden untuk menyiapkan tugasan yang diberikan dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan. Ia bertujuan untuk memudahkan dan melancarkan urusan pembelajaran supaya lebih sistematis dan ia bertepatan dengan tanggungjawab muslim dalam mendirikan solat fardu.
- ix. **Jadual kendiri.** Melalui jadual kendiri, responden dapat memberi penekanan pada subjek-subjek yang perlu diberi keutamaan. Di dalam solat, keutamaan waktu-waktu tertentu menjadi asbab doa-doa dimakbulkan oleh Allah S.W.T.
- x. **Ketenangan** amat diperlukan oleh responden kerana ia akan memberi kesan pada penerimaan ilmu yang dipelajari. Di dalam solat, thama'ninah merupakan salah satu aspek penting yang amat dititikberatkan. Ia bertujuan untuk memberi kerehatan seketika pada tubuh badan sebelum melakukan pergerakan seterusnya, begitu juga dengan situasi pembelajaran.

## IMPLIKASI KAJIAN

Merujuk hasil dapatan kajian, pada dasarnya majoriti sampel dan responden kajian bersetuju bahawa standard kualiti solat adalah cara terbaik bagi mereka meraih kecemerlangan akademik. Ini kerana solat yang menepati piawaian standard kualiti solat mampu memberi impak positif dalam proses pembelajaran mereka. Solat yang didirikan bertepatan dengan kehendak syarak juga dapat memainkan peranannya sebagai pemangkin kejayaan akademik responden. Mengambil iktibar dari kejayaan responden kajian, suatu pendekatan secara *hikmah wal mau 'izatul hasanah* perlu diamalkan oleh para asatizah, ibu bapa dan pemimpin masyarakat agar para pelajar di luar sana dapat mendirikan solat dalam keadaan tertib serta beradab, agar standard kualiti solat dapat dicapai seterusnya menjadikan impian menggapai kecemerlangan akademik menjadi satu kejayaan.

Melalui kajian yang dilakukan terhadap penulisan para ilmuwan dan diperkuuhkan lagi dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan kepada pelajar pelajar Kulliah Al-Lughah Wad-Din As-Sultan Abu Bakar Pekan, Pekan Pahang Darul Makmur maka, intipati berikut perlu direnunggi bersama, iaitu:

- i. Pelajar perlu didedahkan dengan standard kualiti solat sejak mereka masih kecil.
- ii. Keluarga memainkan peranan penting dalam memupuk amalan solat mengikut kehendak syarak.
- iii. Solat yang memenuhi kriteria-kriteria yang dikehendaki oleh Allah dapat memberi implikasi positif dalam proses pembelajaran pelajar-pelajar.
- iv. Solat adalah sebaik-baik mekanisme dan pemangkin bagi mereka yang ingin mencapai kecemerlangan akademik.
- v. Allah S.W.T telah menjanjikan kejayaan bagi mereka yang menunaikan solat dengan *khusyuk* serta bersabar dalam melaksanakannya.
- vi. Bagi merealisasikan kejayaan melalui ibadat solat, pelajar perlu mematuhi ciri-ciri solat yang sempurna dan diterima oleh Allah S.W.T.
- vii. Pembentukan jati diri pelajar dalam usaha meraih kecemerlangan akademik akan dapat dicapai melalui solat yang sempurna.
- viii. Kajian mengenai solat perlu diperluaskan kepada golongan yang tidak mempunyai asas-asas pendidikan agama.
- ix. Masyarakat perlu didedahkan dengan standard kualiti solat agar amalan solat yang dilakukan mampu membina dan membentuk jati diri sekaligus menjadikannya sebagai pemangkin dalam setiap pekerjaan yang ingin diraih kejayaannya.

## KESIMPULAN

Memandangkan hanya solat yang bertepatan dengan kehendak syarak sahaja yang diterima oleh Allah S.W.T, pengkaji mendapati tajuk *Standard Kualiti Solat Sebagai Pemangkin Kecemerlangan Akademik* sangat menarik untuk dijadikan kajian dalam menyelesaikan tugas kerja projek pengkaji. Ia menjadi lebih menarik kerana isu yang dikaji melibatkan kualiti solat di kalangan responden. Justeru itu, dalam memartabatkan solat di dalam kehidupan sampel dan responden kajian, kualiti solat yang didirikan perlu dijadikan garis pengukur supaya solat yang didirikan mampu menjadi pemangkin kejayaan akademik mereka.

Dari sumber-sumber bacaan seperti artikel, tesis, jurnal dan lain-lain pada masa kini, pengkaji mendapati kebanyakan isu solat yang sering dibahaskan adalah berkaitan dengan kegagalan golongan belia melaksanakan perintah solat, peratusan golongan remaja yang gagal mendirikan solat dengan sempurna, pelajar sekolah menengah tidak dapat menguasai bacaan dalam solat dan sebagainya sering diutarakan, namun isu-isu mengenai standard kualiti solat pelajar-pelajar cemerlang akademik sangat jarang dijadikan bahan kajian. Justeru itu, dengan bimbingan dan kerjasama pensyarah penyelia, pengkaji cuba mengetengahkan isu ini dengan harapan ia akan dapat membuka minda pembaca-pembaca di luar mengenai kepentingan mendirikan solat mengikut standard yang telah ditetapkan oleh syarak.

Solat yang didirikan mengikut tatacara yang betul serta memenuhi tuntutan standard kualiti solat akan menjadikan solat tersebut berperanan dalam membantu pelajar-pelajar mencapai kecemerlangan akademik. Ini kerana di dalam ibadat solat itu sendiri mengandungi pelbagai rahsia dan keistimewaan yang hanya akan dirasai oleh mereka yang mendirikannya dengan betul dan sempurna.

Setelah menyoroti perintah solat, peranan dan keistimewaan-keistimewaannya melalui penulisan ulama dan golongan cendikiawan, pengkaji menjadikan pelajar-pelajar cemerlang STAM di Kulliah As-Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang sebagai responden untuk mendapatkan maklum balas dan cara amalan solat yang dilakukan oleh mereka. Dari maklum balas sampel, ada di kalangan mereka yang menunaikan solat dalam keadaan terpaksa. Pengkaji berpendapat, isu ‘terpaksa’ dalam menunaikan solat perlu diberi perhatian sewajarnya terutama oleh ibu bapa, para asatizah, rakan-rakan dan masyarakat. Solat yang didirikan dalam keadaan terpaksa secara automatik tidak akan memenuhi Standard kualiti solat yang digariskan oleh syarak.

Menyingkap peratusan sampel kajian yang *kurang setuju* bahawa solat didirikan hanya semata-mata kerana Allah, ia memerlukan tindakan segera terutama para asatizah, ibu bapa mahu pun rakan-rakan sampel tersebut agar membantu mereka menanam keyakinan bahawa solat perlu didirikan semata-mata kerana Allah S.W.T. tanpa wujud sebarang unsur keterpaksaan. Sampel juga perlu didehdahkan dengan peranan, keistimewaan serta ganjaran yang bakal diperolehi di samping hikmah-hikmah yang tersembunyi di dalam solat. Semua rahsia keistimewaan solat hanya akan tersingkap jika solat yang didirikan itu berjaya memenuhi standard kualiti solat seterusnya ia akan bertindak sebagai pemangkin kecemerlangan akademik sampel kajian.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Mohd Adli. (2012). Sains Dan Solat. Johor Bahru : Pustaka Azhar.
- Abdul Rahman Mohd Adli. (2012). Sejarah & Keajaiban Gerakan Dalam Solat. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Ahmad Mohd Salleh. (2011). Kurikulum, Methodologi dan Pedagogi Pengajian Islam. Rawang: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Ismail Kamus. (2009). Indahnya Hidup Bersyariat. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Ahmad Hatta, MA. (2009). Tafsir Quran Perkata\_Dilengkapi Dengan Asbabun Nuzul & Terjemahan. Jakarta : Maghfirah Pustaka.
- Siti Uzairiah Mohd.Tobi. (2017). Kajian Kualitatif Dan Analisis Temu Bual. Kuala Lumpur: Aras Publlisher.
- Imam Al-Ghazali, Farohi Mathori.(1987). Imam Al-Ghazali, Di Sebalik Ketajaman Mata Hati Siri-2. Jakarta : Pustaka Amani.
- Noresah bt Baharom & et. (2010), Kamus Dewan Edisi Ke Empat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Johari Yaman & Muhammad Firdaus Nurulhuda. (2003). Bimbingan Penghayatan & Kesempurnaan Solat, Kuala Lumpur: Penerbitan Nadi Minda Sdn.Bhd.
- Mohammad Salleh, Ph.D. (2009). Terapi Solat Tahajud: Mukjizat Penyembuhan Penyakit. Selangor : PTS MILLENIA Sdn.Bhd.
- Muhammad Aiman al-Zuhairi. (2013). Jadikan Solat Sebagai Penolong Hidup Mu. Selangor : Pustaka Ilmuan.
- Syaikh Jalal Muhammad Syafi'i. (2010). Kuasa Di Sebalik Solat (The Power of Solat). Selangor : Al Hidayah Publications.

## LAMAN WEB

- <https://almanhaj.or.id?3499keutamaan-shalat-malam-dan-njurannya.html>
- <http://drhalimi.blogspot.com/2014/03/mustajab-doа.html?m=1>
- [https://id.m.wikipedia.org/wiki/Anatomi\\_manusia](https://id.m.wikipedia.org/wiki/Anatomi_manusia)
- <https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitaif-dan-kualitatif>
- <http://m.utusan.com.my/berita/nasional/ulang-kaji-solat-rahsia-kejayaan-pelajar-cemerlang-sma-1.593281>
- <http://studentsrepo.um.edu.my/2933/4/BAB 1.pdf>
- <http://studentsrepo.um.edu.my/2933/5/BAB2.pdf>
- <http://moudyamo.wordpress.com/2016/02/01/bah-ajar-metlid-tinjauan-pustaka/>
- <http://onenorahasikin.blogspot.com/p/cara-belajar-dengan-berkesan.html>

<http://www.astroawani.com/gaya-hidup/jaga-solat-salah-satu-kunci-kejayaan-salah-mufti-wilayah-persekutuan-174188>  
[http://www.drazmanibrahim.com/2009/08/solat-dan-sains\\_09.html](http://www.drazmanibrahim.com/2009/08/solat-dan-sains_09.html)  
<https://www.infopelajar2u.com/14-tip-belajar-dengan-berkesan-dari-dr-fadhilah-kamsah/>  
[http://www.drazmanibrahim.com/2009/08/solat-dan-sains\\_09.html](http://www.drazmanibrahim.com/2009/08/solat-dan-sains_09.html)  
[http://www.smjkyukchoy.edu.my/kaedahbelajar\\_yb.html](http://www.smjkyukchoy.edu.my/kaedahbelajar_yb.html)  
<https://www.scribd.com/doc/82158585>  
Kamus Dewan 2002, dalam <https://books.google.com>  
<https://sungaisaim.wordpress.com/2009/04/08/ciri-ciri-mukmin-yang-berjaya-dan-cemerlang/>  
<pdf-studentsrepo.um.edu.my>Bab3>  
PDF eprints.utm.my > eprint > KamarulAz...  
PDF studentstrepo.um.edu.my > 10\_Bab\_4  
[www.majalahsains.com/2011/.../membongkar-rahsia-ibadat-solat-secara-santifik](http://www.majalahsains.com/2011/.../membongkar-rahsia-ibadat-solat-secara-santifik)  
[www.masterpendidikan.com](http://www.masterpendidikan.com)